

Garam kristal 830 juta tahun dikaji

Mingguan Melayu 29/5/2022

MS: 41

SYDNEY: Ahli Geologi merancang untuk memecahkan garam kristal berusia 830 juta tahun, yang dipercayai mengandungi mikroorganisma purba yang berkemungkinan masih hidup.


Penyelidik dari Persatuan Geologi Amerika Syarikat (AS) mengumumkan penemuan sisa-sisa kecil kehidupan prokariotik dan alga di dalam kristal halit purba awal bulan ini.

Organisma itu ditemukan dalam gelembung mikroskopik cecair dalam kristal yang boleh berfungsi sebagai

mikrohabitat untuk koloni kecil untuk berkembang maju.

Pengarang Kajian, Kathy Benison dari Universiti West Virginia berkata, penyelidik ingin memecahkan kristal itu bagi mengetahui sama ada kehidupan purba ini benar-benar masih hidup atau sebaliknya.

Walaupun idea membawa kembali bentuk kehidupan berusia 830 juta tahun ke dunia moden seperti kedengaran idea yang tidak masuk akal, penyelidik menjelaskan akan melakukan dengan sangat berhati-hati.



IMEJ teras halit berlapis daripada Formasi Browne yang berusia 830 juta tahun. - AGENSI